

NAMA :

TINGKATAN :

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

TAHUN 2023

PERNIAGAAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Modul ini mengandungi **40** soalan.
 2. Jawab **semua** soalan.
 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
 4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
 5. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
-

Modul ini mengandungi 24 halaman bercetak.

- 1 Apakah kepentingan keuntungan kepada perniagaan?
 - A Mengukur tahap prestasi
 - B Memenuhi keperluan awam
 - C Menyediakan barang dan perkhidmatan
 - D Meningkatkan penglibatan sektor awam

- 2 Mengapakah peniaga lebih berminat untuk menubuhkan perniagaan milikan tunggal?
 - A Liabiliti tidak terhad
 - B Modal lebih besar
 - C Mudah diuruskan
 - D Penjimatan kos

- 3 Pernyataan manakah merupakan prinsip koperasi?
 - A Anggota berhak membuat keputusan
 - B Aktiviti tidak berunsurkan politik
 - C Liabiliti anggota adalah terhad
 - D Keanggotaan secara sukarela

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Perniagaan K1 Kedah 2023

- 4 Pernyataan berikut berkaitan dengan satu bentuk pemilikan perniagaan.

Proton Edar Sdn Bhd telah membuat perkongsian strategik dengan Syarikat Altel Communication Sdn Bhd dari China untuk memberi manfaat dalam bidang digital.

Apakah kelebihan perkongsian tersebut?

- A Memperluas asas perniagaan
- B Meningkatkan kedudukan syarikat
- C Mendapat teknologi baharu
- D Meningkatkan dana perniagaan

- 5 Gambar 1 menunjukkan aktiviti dalam sektor perniagaan.



Gambar 1

Apakah sektor tersebut?

- A Pertama
- B Primer
- C Tertier
- D Sekunder

6 Maklumat berikut berkaitan pengeluaran perabot Syarikat Jati Berhad.

- Jumlah jualan tahunan RM60 juta
- Bilangan pekerja tetap 230 orang

Pernyataan yang manakah betul menerangkan cabaran saiz perniagaan tersebut?

- A Menghadapi risiko kerugian lebih besar
- B Menghadapi ketidakpastian pasaran
- C Mewujudkan birokrasi pengurusan
- D Menikmati ekonomi bidangan

7 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Global Excel.

- Terlibat dalam industri teknologi tinggi
- Menjalankan penyelidikan pasaran eksport
- Membuat pameran dan pengiklanan di luar negara

Apakah jenis pelepasan cukai syarikat tersebut?

- A Taraf perintis
- B Pengecualian cukai
- C Potongan cukai
- D Elaun pelaburan semula

8 Antara berikut yang manakah peranan Pihak Berkuasa Tempatan?

- A Menggubal undang–undang kecil
- B Mewujudkan perusahaan kecil dan sederhana
- C Mewujudkan kawasan industri
- D Menarik kemasukan pelabur tempatan

- 9 Antara berikut faktor dalaman manakah yang menyebabkan trend menurun dalam perniagaan?
- A Gaya pengurusan yang demokratik
 - B Keadaan ekonomi yang meleset
 - C Politik negara yang tidak stabil
 - D Pemasaran yang tidak berkesan
- 10 Mengapakah kerajaan melaksanakan dasar fiskal bagi mengatasi masalah kemelesetan ekonomi?
- A Meningkatkan kadar cukai pengguna
 - B Menurunkan perbelanjaan kerajaan
 - C Meningkatkan permintaan barang
 - D Menurunkan kadar faedah
- 11 Apakah kelebihan sumber manusia luaran?
- A Memotivasikan pekerja
 - B Memerlukan program induksi
 - C Memahami budaya organisasi
 - D Mendapat kemahiran baharu

- 12 Pernyataan berikut menerangkan faktor luaran yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.

Perkhidmatan perbankan kini mengalami banyak perubahan. Pengguna boleh menggunakan perkhidmatan 24 jam secara atas talian di mana – mana sahaja.

Apakah faktor tersebut?

- A Sosiobudaya
 - B Teknologi
 - C Ekonomi
 - D Undang - undang
- 13 Pernyataan manakah yang menerangkan tujuan visi dibentuk dalam sesebuah perniagaan?
- A Mendorong semua pihak memahami dan bekerjasama
 - B Mengagihkan sumber kepada setiap bahagian dalam organisasi
 - C Menjadi garis panduan menilai keperluan setiap unit
 - D Menggambarkan satu sasaran yang ingin dicapai secara khusus

14 Jadual 1 menunjukkan peratus syer pasaran bagi perniagaan komputer di Sungai Petani.

Nama Perniagaan	Multimedia Sdn Bhd	Net.Com Sdn Bhd
Peratus Syer Pasaran	30%	38%


Jadual 1

Antara berikut yang manakah menerangkan syer pasaran di atas?

- I Net.Com Sdn Bhd memperoleh pendapatan tertinggi
- II Multimedia Sdn Bhd mempengaruhi tindakan pesaing lain
- III Multimedia Sdn Bhd merupakan pemimpin pasaran
- IV Net.Com Sdn Bhd akan terus kekal di pasaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

15 Rajah 1 berkaitan dengan kesan kegagalan dalam perniagaan.



Rajah 1

Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi kesan kegagalan **X**?

- I Mengurangkan bilangan pekerja
- II Menaikkan gaji minimum pekerja
- III Mempelbagaikan produk perniagaan
- IV Menyemak semula matlamat perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Pernyataan di bawah berkaitan dengan pengurusan kewangan Perniagaan Qaseh Maju.

Peranan Pengurusan Kewangan
Mengagihkan sumber kewangan mengikut peruntukan yang ditetapkan
Mengawal kewangan setiap bahagian
Z

Apakah **Z**?

- I Menjelaskan objektif kewangan dengan terperinci
- II Menentukan objektif kewangan yang hendak dicapai
- III Memantau setiap bahagian dalam aspek kewangan
- IV Mengagihkan kewangan mengikut masa yang ditetapkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Maklumat berikut berkaitan dengan tujuan bahagian fungsian dalam perniagaan.

<ul style="list-style-type: none">➤ Meningkatkan tahap pengeluaran dan pemasaran produk➤ Dapat menghasilkan produk yang lebih berkualiti dengan kos efektif
--

Apakah bahagian fungsian yang terlibat?

- A Pengagihan dan pembekalan
- B Penyelidikan dan pembangunan
- C Pengeluaran
- D Pemasaran

18 Gambar 2 menunjukkan bahagian fungsian dalam perniagaan.




Gambar 2

Apakah tujuan bahagian fungsian tersebut?

- A Menyimpan maklumat dan data perniagaan
- B Mengemaskini barang yang ditawarkan dalam pasaran
- C Memastikan pengguna tertentu sahaja boleh mengakses sistem
- D Mendapatkan maklumbalas berkenaan produk atau perkhidmatan

19 Maklumat berikut berkaitan dengan aliran maklumat dalam sebuah organisasi perniagaan.



Apakah **X** dan **Y**?

	X	Y
A	Dekod	Enkod
B	Enkod	Penghantar
C	Saluran	Dekod
D	Dekod	Saluran

20 Gambar 3 menunjukkan aplikasi teknologi maklumat dalam perniagaan.




Gambar 3

Apakah aplikasi tersebut?

- A e-dagang
- B e-pemasaran
- C *e-government*
- D *e-banking*

21 Maklumat berikut berkaitan dengan aspek pengelolaan sumber manusia.



Apakah tujuan **Z**?

- A Memelihara keselamatan pekerja
- B Mengekalkan kesetiaan pekerja
- C Meningkatkan motivasi pekerja
- D Menempatkan pekerja

22 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan struktur organisasi berdasarkan matriks?

- I Dikenali sebagai sistem berbilang arahan
- II Diwujudkan berdasarkan keperluan pelanggan
- III Diwujudkan mengikut kemahiran dalam fungsi tertentu
- IV Digabungkan daripada dua jenis struktur organisasi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23 Maklumat berikut berkaitan dengan faedah dalam sistem penggajian.

Penghargaan yang dibayar secara tunai kepada pekerja pada akhir tempoh tertentu berdasarkan prestasi perniagaan


Apakah jenis faedah tersebut?

- A Caruman perkeso
- B Elaun lebih masa
- C Bonus tunai
- D Komisen

24 Antara berikut yang manakah merupakan sumber teknologi?

- I Peralatan teknologi maklumat dan komunikasi
 - II Kemahiran dan pengalaman
 - III Lesen perisian
 - IV Kilang dan mesin
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

25 Rajah 2 menunjukkan prosedur mengurus sumber fizikal.



Rajah 2

Mengapakah prosedur X perlu dilaksanakan oleh sesebuah perniagaan?

- A Perniagaan dapat dijalankan dengan yakin
- B Risiko perniagaan dapat dikurangkan
- C Perniagaan mendapat hak eksklusif
- D Operasi perniagaan dapat berjalan lancar

26 Dialog berikut berkaitan dengan satu sumber pembiayaan luaran.

Ah Chong	: Syarikat saya baru mendapat kontrak membina jalan raya. Oleh itu saya memerlukan beberapa buah jentolak untuk tempoh 6 bulan
Halimi	: Jika begitu, saya cadangkan awak tidak perlu membeli jentolak tersebut. Lagi pun awak hanya memerlukan jentolak untuk menyiapkan projek ini sahaja

Apakah kelebihan pembiayaan yang dicadang oleh Halimi?

- A Dapat memiliki jentolak selepas tamat tempoh sewaan
- B Dapat mengelak daripada risiko keusangan jentolak
- C Boleh dicagarkan untuk mendapat pinjaman
- D Boleh mendapatkan tunai segera

27 Apakah kelebihan memohon pembiayaan daripada agensi kerajaan?

- A Tidak memerlukan cagaran
- B Pinjaman tanpa had
- C Tidak perlu bersaing
- D Cepat dan ringkas


28 Maklumat berikut berkaitan dengan butiran penyata kewangan Syarikat Pandu Jaya Berhad.

	RM	RM
ASET		
Aset Bukan Semasa		
Kenderaan	30 000	
Perabot	20 000	
		50 000
Aset Semasa		
Stok akhir	34 000	
Penghutang	4 000	
		38 000
		88 000

Apakah jenis penyata kewangan tersebut?

- A Kunci Kira-Kira
- B Penyata Aliran Tunai
- C Penyata Kos Pengeluaran
- D Akaun Perdagangan dan Untung Rugi

29 Maklumat berikut menunjukkan jenis kos pengeluaran perniagaan Mantop Enterprise.



Pernyataan manakah menerangkan **S** dan **T**?

	S	T
A	Kos yang dipengaruhi oleh jumlah pengeluaran	Kos yang tidak dipengaruhi oleh jumlah pengeluaran
B	Jumlah kos yang berubah mengikut tingkat pengeluaran	Jumlah kos yang sentiasa sama walaupun pengeluaran bertambah
C	Jumlah kos operasi yang tidak berubah berdasarkan jumlah jualan	Jumlah kos operasi yang sama berdasarkan jumlah jualan
D	Kos yang tidak dipengaruhi oleh jumlah pengeluaran	Kos yang dipengaruhi oleh jumlah pengeluaran

- 30 Berikut adalah maklumat kewangan Syarikat Indah Sendirian Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

Butiran	RM
Untung Kasar	140 000
Untung Bersih	80 000
Kos Jualan	455 000
Kos Belian	330 000

Berapakah peratusan untung tokokan bagi syarikat tersebut?

- A 42.4%
 - B 30.8%
 - C 24.2%
 - D 17.6%
- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan prestasi kewangan Syarikat Mawar Sdn. Bhd.

Tahun	2021	2022
Kadar pusing ganti stok	2.4 kali	3.0 kali

Pernyataan manakah menerangkan justifikasi prestasi tersebut?

- A Syarikat Mawar mengalami stok usang pada tahun 2022
- B Syarikat Mawar mempunyai stok yang laris pada tahun 2021
- C Syarikat Mawar memperoleh jualan lebih tinggi pada tahun 2022
- D Syarikat Mawar menanggung kos penyimpanan yang rendah pada tahun 2021

32 Maklumat berikut berkaitan dengan seorang usahawan.

Encik Johari ialah seorang pengusaha kebun sayur telah mencipta satu alat mudah untuk menyemai biji benih dengan cepat dan mudah

Apakah ciri usahawan yang dimiliki oleh Encik Johari?

- A Kreatif
- B Inovatif
- C Berpandangan jauh
- D Berani mengambil risiko

33 Gambar 4 menunjukkan stok dalam perniagaan.



Gambar 4

Apakah jenis stok tersebut?

- A Stok bergerak segera
- B Stok bergerak lambat
- C Stok bergerak perlahan
- D Stok bergerak pantas


34 Apakah faedah memilih usahawan sebagai satu peluang kerjaya?

- A Peluang untuk membuka perniagaan baru
- B Memperkenalkan produk tempatan
- C Pengurusan masa yang fleksibel
- D Mewujudkan kerjasama serantau

35 Antara yang berikut, apakah kekuatan yang perlu ada dalam diri seorang usahawan?

- I Keupayaan mencari peluang perniagaan
 - II Kemampuan dalam menghadapi risiko
 - III Kemahiran pembangunan karakter diri
 - IV Keupayaan membina jenama
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

36 Rajah 3 menunjukkan prosedur pendaftaran sebuah entiti perniagaan.



Rajah 3

Apakah X?

- A Mengemukakan dokumen–dokumen yang diperlukan
- B Menyenaraikan tiga nama cadangan yang sesuai
- C Mengisi Borang Pendaftaran Perniagaan
- D Melantik setiausaha dalam tempoh 30 hari

37 Gambar 5 merupakan dialog antara Azril dan Luqman.



Gambar 5

Antara berikut yang manakah merupakan tanggungjawab yang dimaksudkan oleh Luqman?

- I Mempamerkan nombor telefon perniagaan
 - II Mempamerkan perubahan maklumat perniagaan
 - III Mempamerkan papan tanda perniagaan mengikut spesifikasi
 - IV Mempamerkan sijil perakuan pendaftaran di tempat yang jelas
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

38 Antara berikut yang manakah dokumen rekod kos operasi?

I Baucer pembayaran

II Bil air

III Memo

IV Slip daftar tunai

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

39 Mengapakah strategi agihan penting dalam aktiviti pemasaran dan jualan?


A Mampu berdaya saing

B Menghasilkan produk yang berkualiti

C Mendapatkan permintaan yang maksimum

D Memastikan produk sampai kepada pengguna

40 Rajah 4 menunjukkan sejenis promosi.



Rajah 4

Apakah **X**?

- A Komunikasi yang dirancang untuk memberitahu dan memujuk pengguna
- B Komunikasi yang melibatkan pihak penjual dan pembeli secara peribadi
- C Kaedah untuk menambahkan belian bagi tempoh tertentu
- D Kaedah menyampaikan maklumat melalui media massa

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

TAMAT